

## **BORANG / DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PERMOHONAN LAPORAN PERUBATAN**

### **PESAKIT (sendiri)**

1. Borang permohonan laporan Perubatan
2. Salinan Kad Pengenalan
3. Salinan 'discaj note' pesakit
4. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
5. Borang berkaitan (Insurans, KWSP, PERKESO)
6. Borang permohonan laporan Perubatan

### **B. IBU BAPA (pesakit berumur 18 tahun kebawah)**

1. Borang permohonan laporan Perubatan
2. Salinan sijil lahir pesakit
3. Salinan Kad Pengenalan Ibu bapa
4. Salinan 'discaj note' pesakit
5. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
6. Borang berkaitan (Insurans, KWSP, PERKESO)

### **C. AGEN / WAKIL (insurans, peguam)**

1. Borang permohonan laporan Perubatan
2. Surat asal izin pesakit (menyatakan nama agen / wakil / pemohon)
3. Salinan kad pengenalan pesakit
4. Salinan Kad pengenalan agen / wakil / pemohon
4. Salinan 'discaj note' pesakit
5. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
6. Borang berkaitan (Insurans, KWSP, PERKESO)

### **D. WARIS (Suami, isteri, anak, adik beradik, ibubapa)**

1. Borang permohonan laporan Perubatan

2. Surat asal izin pesakit (menyatakan nama waris/pemohon)
3. Salinan kad pengenalan pesakit
4. Salinan Kad pengenalan waris / pemohon
5. Salinan 'discaj note' pesakit
6. Salinan sijil kahwin (jika berkaitan)
7. Salinan sijil lahir (jika berkaitan)
8. Surat akuan sumpah (jika berkaitan)
9. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
10. Borang berkaitan (Insurans, KWSP, PERKESO)

### **Bagaimana Kami Boleh Membantu Anda?**

**Borang permohonan Laporan Perubatan boleh dimuatturun melalui :**

**UNIT REKOD PERUBATAN  
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR  
TKT 9, NO 1 WISMA SUNWAY,  
JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH C 9/C, SEKSYEN  
9, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR**

**TELEFON: 03-5123 7333  
FAKS: 03-51237299  
EMAIL: urpmaeps2.0@gmail.com**

Waktu Beroperasi

Isnin – khamis :  
8.00 pg -4.30 ptg

Jumaat :  
8.00 pg -12.15 t/hari  
2.45 ptg-4.30 ptg

Waktu Tutup  
Jumaat:  
12.15t/hari-2.45 ptg

Sabtu – Ahad  
CUTI UM



## **PERMOHONAN LAPORAN PERUBATAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERSEPADU 2.0, MAEPS, SERDANG**

### **Laporan Perubatan**

- Laporan perubatan ialah laporan yang disediakan oleh pegawai perubatan mengenai masalah kesihatan dan rawatan yang diperolehi oleh individu semasa di hospital atau kemudahan kesihatan.
- Permohonan Laporan Perubatan khusus bagi pesakit Covid 19 yang menerima rawatan di Pusat Kurantin & Rawatan Bersepadu 2.0 MAEPS, Serdang boleh dibuat secara datang sendiri atau pos permohonan ke Unit Rekod Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
- Laporan Perubatan hanya akan diproses setelah permohonan lengkap secara bertulis dikemukakan. Tempoh siap setiap laporan perubatan adalah **28 hari bekerja dari permohonan lengkap.**

### **PEMOHON**

- Pesakit yang berumur 18 tahun dan ke atas boleh memohon sendiri laporan perubatan

- Bagi pesakit yang berumur bawah 18 tahun, pesakit yang tidak sedarkan diri, kurang upaya, mental ataupun telah meninggal dunia, laporan perubatan boleh dipohon oleh waris terdekat seperti suami, isteri, anak, ibu, bapa, atau adik beradik. **Pemohon perlu menyertakan dokumen yang berkaitan sebagai bukti pertalian keluarga.**
- Permohonan laporan perubatan dari mana-mana pihak bagi pesakit warganegara asing yang tidak dapat dikesan, sekiranya waris juga tidak dapat dihubungi, maka permohonan perlu disertakan dengan surat izin dari pihak Kedutaan Negara berkenaan.
- Keizinan pesakit ataupun waris tidak diperlukan bagi laporan perubatan yang dipohon oleh agensi yang telah diberi kuasa di bawah peruntukan undang-undang untuk mendapatkan laporan perubatan seseorang individu, sebagai contoh jabatan Polis dan Mahkamah.

boleh digunakan untuk satu kali permohonan sahaja.

#### JENIS & KADAR BAYARAN LAPORAN PERUBATAN

JENIS LAPORAN	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA
Laporan Perubatan Biasa	40	120
Laporan Perubatan Ringkas Pakar	80	240
Laporan Perubatan Terperinci	200 - 1000	400 - 2000

#### PROSEDUR MEMOHON

- Pesakit atau wakil yang memohon bagi pihak pesakit hendaklah mengemukakan maklumat lengkap seperti yang terdapat di dalam borang permohonan.
- Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran samada secara **tunai /wang pos** ataupun dengan **cek** berpaling mengikut kadar yang ditetapkan atas nama **Pengarah Kesihatan Negeri Selangor**. Resit akan dikeluarkan sebagai bukti bayaran.
- Sekiranya bukan pesakit yang memohon, maka permohonan hendaklah disertakan dengan surat izin pesakit. Surat izin yang dikemukakan hendaklah menyatakan dengan jelas nama pemohon yang diberi keizinan, tandatangan dan nombor kad pengenalan pesakit atau waris yang memberi izin dan nama, tandatangan serta nombor kad pengenalan saksi. Surat izin hanya

